



SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA (MPFN) KE-49 (BIL.3/2025)

PUTRAJAYA, 13 OKTOBER 2025 – Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) telah mengadakan mesyuarat ke-49 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Dewan Persidangan, Jabatan Perdana Menteri pagi ini.

Sebanyak **enam (6) kertas kerja** melibatkan **empat (4) kertas persetujuan dan dua (2) kertas makluman yang telah dipertimbangkan** oleh MPFN kali ini.

MPFN Ke-49 telah bersetuju dengan **Garis Panduan Perancangan Sekolah Vertikal di Skim Perumahan Berbilang Tingkat** yang disediakan oleh PLANMalaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Konsep sekolah vertikal merupakan pendekatan inovatif dalam mengoptimumkan penggunaan tanah di kawasan bandar berkepadatan tinggi melalui pembangunan sekolah bertingkat yang inklusif dan mesra komuniti. Garis panduan ini menandakan langkah ke hadapan Malaysia dalam merangka model pendidikan bandar yang mampan, moden dan holistik selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Mesyuarat MPFN hari ini turut memperakukan cadangan pembinaan **Bandar MADANI Bukit Jalil oleh PR1MA** yang akan menawarkan rumah pintar, sekolah vertikal, *smart mobility* serta penggunaan teknologi tenaga boleh diperbaharui untuk penduduk ibu kota Kuala Lumpur mulai tahun 2026.

Mesyuarat turut mengambil maklum mengenai **Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040)** yang telah berkuat kuasa mulai 11 Jun 2025 oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. PTKL2040 merupakan pelan pembangunan baharu yang menggantikan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL2020) dengan

matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya inklusif, mampan dan berdaya huni menjelang tahun 2040.

Selain itu, MPFN Ke-49 turut meneliti mengenai **Kajian Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2040 (*Highway Network Development Plan – HNDP 2040*)** bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang disediakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR).

Pelan ini bertujuan memperkukuh rangkaian jalan raya nasional dan meningkatkan akses luar bandar melalui **47 projek jalan raya baru** dan **80 projek menaiktaraf jalan** dengan jumlah jarak keseluruhan **2388.32km** yang dirancang untuk dilaksanakan sehingga melangkaui tahun 2040.

HNDP 2040 mencerminkan komitmen Kerajaan dalam merapatkan jurang pembangunan wilayah, meningkatkan kesejahteraan rakyat luar bandar serta memastikan akses pengangkutan yang lebih selamat, moden dan inklusif dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

